



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN MENGENAI ISU TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

Pada 27hb Februari 2021, saya mendapati bahawa media yang tidak bertanggungjawab, telah membangkitkan isu mengenai saya telah keluar negara ke New Zealand.

Untuk pengetahuan, saya sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan telah memohon cuti selama 55 hari bekerja melalui YB Menteri Wilayah Persekutuan bagi mendapatkan kelulusan YAB Perdana Menteri melalui surat rujukan KWP.TM.100-4/3/4 Jilid 6 (8) pada 3hb Disember 2020. Susulan itu, permohonan tersebut telah disokong oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan pada 10hb Disember 2020 dan diluluskan oleh YAB Perdana Menteri pada 18hb Disember 2020. Selain itu, saya juga telah mematuhi prosedur Jabatan Imigresen Malaysia supaya memohon kebenaran untuk keluar negara (MyTravelPass) secara dalam talian. Permohonan MyTravelPass saya telah dikemukakan kepada Jabatan Imigresen Malaysia pada 30hb Oktober 2020 dan menerima kelulusan tersebut pada 2hb November 2020.

Setelah memastikan setiap prosedur dipatuhi dan semua kelulusan diperolehi, pada 23hb Disember 2020, selepas menghadiri mesyuarat, saya telah ke luar negara dan menjalani kuarantin di New Zealand bermula daripada 24hb Disember 2020 hingga 9hb Januari 2021. Tujuan saya keluar negara adalah bagi melawat anak-anak saya di New Zealand, khususnya anak saya yang sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang. Selain itu, sebagai bapa yang bertanggungjawab, saya perlu untuk bertemu dengan dengan anak yang berusia 9 tahun bagi menjalankan tanggungjawab sebagai bapa sepanjang cuti rehat tersebut setelah hampir setahun tidak berjumpa. Di samping itu, saya juga perlu melawat isteri yang mengalami masalah kesihatan. Sebagai tambahan, upacara anak saya yang berumur 9 tahun untuk menerima *holy communion* juga tidak dapat saya hadiri kerana sentiasa sibuk dengan tugas sebagai Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen.

Namun begitu, selaras dengan Kerajaan Prihatin yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri, komitmen saya terhadap tugas dan tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Ahli Parlimen Segamat adalah sentiasa menjadi keutamaan dalam memastikan kebijakan rakyat di Wilayah Persekutuan dan Parlimen Segamat terus terpelihara. Saya telah menghadiri setiap hari persidangan Dewan Rakyat dengan rekod kehadiran 100 peratus. Saya juga telah menghadiri persidangan Dewan Negara untuk penggulungan perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 pada 22hb Disember 2020. Selain itu, setelah dilantik sebagai Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan bermula pada 10hb Mac 2020, saya tidak pernah memohon cuti rehat, tidak pernah bercuti pada hujung minggu ataupun cuti peristiwa maupun cuti perayaan, atau mendapatkan cuti sakit sepanjang tempoh tersebut. Ini bagi memastikan saya sentiasa dapat memberikan khidmat terbaik kepada rakyat dalam mendepani setiap isu berkaitan pandemik Covid-19 dan isu-isu rakyat di Wilayah Persekutuan dan Parlimen Segamat sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada tahun 2020. Untuk pengetahuan, Kad Laporan Prestasi Parlimen Segamat, Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Tahun 2020 telah menunjukkan prestasi melebihi 99 peratus dan semua gerak kerja di kawasan Parlimen Segamat terus dirancang dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin, seperti yang tertera dalam akaun media sosial *facebook* rasmi saya (www.drsanthara.com). Begitu juga dengan semua tugas yang diamanahkan ke pejabat saya di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun dilaksanakan berdasarkan arahan saya dari semasa ke semasa.

Tuduhan

- (i) Berkaitan tuduhan oleh media yang tidak bertanggungjawab, saya ingin menegaskan bahawa ia adalah TIDAK BENAR. Saya telah keluar negara sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan semula di Malaysia. Iaitu setelah menghadiri semua sidang parlimen di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
- (ii) Selain itu, saya juga tidak keluar dan masuk (ulang alik) ke Malaysia seperti yang dinyatakan secara fitnah oleh YB P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu di dalam akaun media sosial *facebook* miliknya yang menyatakan saya telah balik untuk menghadiri Sambutan Hari Wilayah.

Penjelasan

- (i) Sebagai Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen, saya sentiasa menjunjung tinggi setiap arahan dan peraturan bagi pelantikan saya dan telah mengikuti semua proses dan prosedur yang ditetapkan.
- (ii) Permohonan saya untuk mengambil Cuti Rehat telah disokong oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan dan kelulusan daripada YAB Perdana Menteri, berdasarkan kelayakan Cuti Rehat saya seperti yang ditetapkan dalam peraturan pelantikan saya sebagai Timbalan Menteri. Selain itu, saya juga telah diluluskan Cuti Tanpa Gaji bagi cuti yang melebihi kelayakan Cuti Rehat saya.
- (iii) Selain itu, saya juga tidak keluar dan masuk Malaysia sepanjang cuti berkenaan seperti yang ditimbulkan di dalam akaun media sosial *facebook* milik YB Datuk Seri Najib Razak. Oleh yang demikian, tidak timbul isu Kerajaan Perikatan Nasional tidak berlaku adil kepada rakyat. Saya mengucapkan terima kasih kepada mantan Perdana Menteri di atas kematangan politik beliau, dengan secara baik meminta penjelasan berkaitan isu tersebut dan tidak terus membuat tuduhan seperti yang dilakukan oleh Ahli Parlimen Batu dalam kenyataannya yang memfitnah saya.

Bersama-sama ini juga disertakan lampiran - lampiran proses permohonan cuti dan kelulusan untuk keluar negara saya sebagai rujukan.

Selain itu, saya juga akan berbincang dengan para peguam saya setelah kembali ke Malaysia, berkaitan tuduhan fitnah palsu yang telah dilemparkan kepada saya yang telah menjelaskan reputasi saya sebagai Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen. Laporan polis juga akan dibuat terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab kerana melemparkan tuduhan palsu dengan niat yang jahat dan mengelirukan rakyat.

**Datuk Seri Dr. Santhara J.P
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
28 Februari 2021**